# RUMAH ORANG KITA



## NUSANTARA ARTS SHOWCASE
## 7 - 8 NOV 2026

FEATURING
ORKES NICO, ATRIKA DANCE COMPANY,
YAYASAN WARISAN JOHOR & KEPAI RUAI

Organised by
Malay Heritage Centre
ISTANA KAMPONG GELAM

A Heritage Institution of
National Heritage Board

Supported by
THE MALAY HERITAGE FOUNDATION
YAYASAN WARISAN MELAYU

MCCY
Ministry of Culture, Community and Youth

# FOREWORD

## HAFIZ SHARIFF

GENERAL MANAGER,
MALAY HERITAGE CENTRE



Welcome to the second iteration of the Nusantara Arts Showcase, presented by the Malay Heritage Centre as part of the Teroka Nusantara Festival. Themed “Rumah Orang Kita” (A Home for Our Community), this year’s showcase celebrates the diversity of Malay dance traditions across the Nusantara, reflecting the shared histories, cultural connections and distinct expressions of communities from the Malay World.

We’re delighted to have with us, Orkes Nico and Atrika Dance Company from Singapore, Yayasan Warisan Johor (Johor Heritage Foundation) from Malaysia and Kepai Ruai from West Kalimantan, Indonesia, who will each be bringing traditional and contemporary dance items for this production.

This year's second showcase also holds special significance as Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, and Singapore prepare to inscribe *zapin* onto the UNESCO Representative List of the Intangible Cultural Heritage (ICH) of Humanity in March 2027. We are especially pleased that each group will be presenting their own version of *zapin*, highlighting the diversity of this shared living heritage across the region.

Through the Nusantara Arts Showcase, we hope to continue creating opportunities for cultural exchange, artistic collaboration and a deeper appreciation of the traditions that connect us. Our deepest gratitude goes to all technical crew, performers and partners for their dedication and partnership, without whom this production will not be possible.

We hope you enjoy the programme and leave with a renewed appreciation of the richness of our shared heritage and the many ways it continues to find expression in our communities today.

# KATA PENGANTAR

## HAFIZ SHARIFF

### PENGURUS BESAR, TAMAN WARISAN MELAYU

Salam sejahtera, dan terima kasih atas kesudian anda untuk bersama kami dalam edisi kedua Nusantara Arts Showcase. Kali ini, dengan tema "Rumah Orang Kita," Taman Warisan Melayu (TWM) mempersembahkan pelbagai repertoir tarian Melayu dari Alam Melayu.

Rakan-rakan muzik dan tarian kami, Orkes Nico (Singapura), Atrika Dance Company (Singapura), Yayasan Warisan Johor (Malaysia), dan Kepai Ruai (Kalimantan Barat, Indonesia), akan mempersembahkan pelbagai tarian tradisional dan kontemporari untuk pementasan ini.

Dalam semangat pencalonan bersama oleh Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, dan Singapura untuk menyertakan zapin ke dalam Senarai Perwakilan Warisan Budaya Tidak Ternilai (ICH) UNESCO pada Mac 2027, kami sangat berbesar hati kerana setiap kumpulan akan mempersembahkan versi zapin mereka sendiri dari tanah air mereka.

Menerusi Nusantara Arts Showcase, kami berharap dapat terus membuka ruang bagi pertukaran budaya, kerjasama seni serta penghayatan yang lebih mendalam terhadap tradisi yang menghubungkan kita.

Sekalung budi diucapkan kepada semua kru teknikal dan rakan-rakan kerjasama atas dedikasi dan komitmen mereka untuk menjayakan pementasan ini.

Kami berharap agar anda menikmati persembahan yang disajikan dan pulang dengan penghargaan yang lebih mendalam terhadap kekayaan warisan bersama kita, dan bagaimana warisan ini terus dihayati dan dizahirkan dalam masyarakat kita pada hari ini.

# ABOUT TEROKA NUSANTARA FESTIVAL

Since MHC's reopening in April 2026, we have been heartened by the warm responses from cultural, precinct and regional partners, who have come together with us to bring vibrant programmes and performances to the public. It is in this spirit of togetherness and shared heritage that the **Teroka Nusantara Festival (TNF)** was conceptualised.

This will be MHC's annual signature festival, envisioned as a living, breathing meeting point where communities across Singapore and the wider region come together to celebrate the richness and depth of Malay arts and culture. The festival also echoes PM Wong's aspiration for MHC to be a living heritage centre for Singapore Malay culture and identity.

# TENTANG TEROKA NUSANTARA FESTIVAL

Sejak pembukaan semula TWM pada bulan April 2026, kami telah menerima sambutan menggalakkan daripada rakan-rakan seni dan budaya baik dari Singapura mahupun di rantau ini. Dalam semangat kebersamaan untuk terus melestarikan warisan Melayu dan Nusantara, maka terlahirlah konsep **Festival Teroka Nusantara (TNF)**. Festival ini bakal menjadi acara tahunan unggul TWM, yang dihasratkan sebagai wadah pertemuan yang dinamik dan penuh dengan kegiatan, menghimpunkan masyarakat dari seluruh Singapura dan rantau ini untuk bersama-sama meraikan kekayaan dan kepelbagaian seni serta budaya Melayu.

Festival ini juga mencitrakan aspirasi Perdana Menteri, Encik Lawrence Wong, untuk menjadikan TWM sebagai sebuah pusat warisan yang hidup bagi budaya dan identiti Melayu Singapura.



# ABOUT THE PRODUCER



**Badarudin Hassan** is a Singapore-based show producer and creative practitioner with a strong foundation in choreography and performance-making. His multidisciplinary background also includes experience in video production, creative direction, and production technical design.

Beginning his career in the Malay dance scene, Badarudin expanded his practice into directing and producing large-scale works. In 2013, he founded Artistari Gentari Singapore, a company known for producing original stage productions and interdisciplinary works presented at regional platforms.

His producing portfolio includes collaborations with Mediacorp producing for shows in television and broadcast environments. His works span televised programmes, live stage productions, and hybrid performance formats, demonstrating his versatility across both screen and stage.

Today, Badarudin continues to develop and produce original content across media platforms, with a focus on storytelling that bridges tradition and contemporary narratives, while nurturing emerging talents within Singapore's creative industry.

# TENTANG PENERBIT

**Badarudin Hassan** ialah seorang penerbit persembahan dan penggiat kreatif di Singapura, dengan asas yang kukuh dalam seni reka tari dan reka persembahan. Beliau juga mempunyai latar belakang dalam pelbagai disiplin, termasuk dalam penghasilan video, penerbitan kreatif, dan penghasilan reka bentuk teknikal.

Memulakan kerjayanya dalam bidang tarian Melayu, Badarudin telah mengembangkan seninya dalam pengarahan dan penerbitan karya-karya berskala besar. Pada tahun 2013, beliau mengasaskan Astistari Gentari Singapura, sebuah syarikat yang dikenali dengan pementasan karya asli dan menggunakan pendekatan antara disiplin yang dipersembahkan di pelbagai wahana serantau.

Antara karya-karya beliau termasuk kerjasama dengan Mediacorp untuk menghasilkan program di televisyen dan dunia penyiaran. Karyanya meliputi program yang disiarkan di televisyen, pementasan secara langsung, dan persembahan dalam format hibrid, menunjukkan keserbabolehan beliau berkarya di skrin dan pentas.

Kini, Badarudin masih terus mengembangkan dan menerbitkan karya asli di pelbagai wadah media, dengan tumpuan terhadap penceritaan yang menjembatani tradisi dan naratif kontemporari, sambil memupuk bakat anak muda dalam industri seni Singapura.



# ABOUT THE EMCEE



# TENTANG EMCEE

**Anis Qurratu'aini Azman** is a part-time Mediacorp Warna 942FM radio deejay, host, and arts practitioner known for her warm, engaging presence on air and on stage. Passionate about the Malay culture through traditional music and literary arts, she is recognised for her contributions to the arts, holding titles such as Teman Warisan (Cultural Heritage Ambassador) by Malay Heritage Foundation (MHF), Sahabat Sastera (Friends of Malay Literature) Mentor & Duta Bahasa (Language Ambassador) by the Malay Language council, Singapore, and Biduan Syair (Poetry Pracitioner) by Balai Pelestarian Nilai Budaya, Kepulauan Riau, Indonesia. Anis actively connects with diverse audiences through performances and cultural initiatives, helping to keep heritage relevant for today's generation. Her voice continues to inspire, entertain, and strengthen a sense of community through meaningful artistic expression.

**Anis Qurratu'aini Azman** ialah seorang deejay sambilan di stesen radio Mediacorp Warna 942, seorang pengacara dan penggiat seni yang terkenal dengan sikap ramah dan mesranya di udara dan pentas. Di atas sumbangan dan minatnya yang mendalam terhadap budaya Melayu terutamanya dalam muzik tradisional dan seni kesusasteraan. Anis diiktiraf sebagai Teman Warisan oleh Yayasan Warisan Melayu (MHF), Sahabat Sastera & Duta Bahasa oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura, dan Biduan Syair oleh Balai Pelestarian Nilai Budaya, Kepulauan Riau, Indonesia. Beliau juga aktif mendekati pelbagai penonton melalui persembahan dan usaha kebudayaan, membantu dalam menjadikan warisan budaya kekal relevan untuk generasi masakini. Suaranya terus menjadi inspirasi, menghibur dan memperkukuh semangat kemasyarakatan melalui ekspresi seni yang penuh makna.



# ORKES NICO

**Orkes Nico** is a vibrant ensemble of musicians from diverse musical backgrounds, united by their passion for traditional Malay music. The group is dedicated to preserving and promoting Malay musical heritage through a variety of traditional and modern instruments including the *rebana*, violin, flute, bass guitar, and accordion. Their performances celebrate the rich melodies and rhythms of traditional Malay music, sharing its beauty with audiences of all ages. Over the years, Orkes Nico has participated in cultural festivals, workshops, and community events to promote appreciation of Malay music.

**Orkes Nico** ialah sebuah kumpulan pemuzik dengan latar belakang berbeza, disatukan oleh minat mereka terhadap muzik tradisional Melayu. Kumpulan ini komited untuk memelihara dan melestarikan warisan muzik Melayu melalui pelbagai alat muzik tradisional dan moden termasuk rebana, biola, seruling, gitar bes, dan akordion. Persembahan mereka meraikan keindahan melodi dan irama muzik tradisional Melayu yang dapat dinikmati oleh penonton dari semua peringkat usia. Sejauh ini, Orkes Nico telah mengambil bahagian dalam pelbagai festival kebudayaan, bengkel-bengkel, dan acara-acara kemasyarakatan untuk melestarikan dan memartabatkan muzik Melayu.



# ATRIKA DANCE COMPANY

**Atrika Dance Company (ADC)** is a professional Singaporean Malay dance company founded in 1994 by Artistic Director Mazlina Buang. For over 30 years, ADC has created and presented works that bridge Malay tradition with contemporary expression, developing a distinctive artistic voice and nurturing generations of dancers. Its repertoire includes celebrated works such as *Inang Berputik*, recognised as an iconic work in Singapore's Malay dance landscape, alongside anniversary productions that reflect the company's evolving identity and creative journey.

**Atrika Dance Company (ADC)** ialah sebuah syarikat tarian Melayu profesional Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1994 oleh Pengarah Artistiknya Mazlina Buang. Selama lebih 30 tahun, ADC telah menghasilkan dan mempersembahkan karya-karya yang menghubungkan tradisi Melayu dengan ekspresi kontemporari, membangunkan suara seni yang unik dan memupuk generasi penari yang baharu. Repertoirnya termasuk karya-karya terkenal seperti Inang Berputik, yang diiktiraf sebagai karya ikonik dalam lanskap tarian Melayu Singapura, serta pementasan ulang tahun yang mencerminkan identiti dan perjalanan kreatif syarikat yang sentiasa berkembang.

# TARI SEKAPUR SIREH

## (TRADITIONAL DANCE I TARIAN TRADISIONAL)

### PERFORMANCE SYNOPSIS

*Tari Sekapur Sireh* celebrates ADC's 25th anniversary in 2019, honouring Malay tradition, culture and aesthetics through graceful movement and Atrika's distinctive artistic flair.

### SINOPSIS PERSEMBAHAN

Tari Sekapur Sireh meraikan ulang tahun ADC yang ke-25 pada tahun 2019. Tarian ini meraikan tradisi, budaya dan estetika Melayu melalui gerakan yang lemah gemalai dan sentuhan seni unik Atrika.

# KITA

## (CONTEMPORARY DANCE I TARIAN KONTEMPORARI)

### PERFORMANCE SYNOPSIS

*KITA* celebrates Atrika's 20th anniversary through unity, teamwork and the spirited gusto of a troupe protecting the heart of their group.

### SINOPSIS PERSEMBAHAN

KITA meraikan ulang tahun Atrika yang ke-20 melalui perpaduan, kerjasama dan semangat sekumpulan penari dalam mempertahankan jiwa dan semangat kumpulan mereka.





# YAYASAN WARISAN JOHOR

The **Johor Heritage Foundation** (Yayasan Warisan Johor or YWJ) was established in 1988, and has since played the role as the main reference point with regards to the history, heritage, art and culture of the state of Johor. YWJ is also a major agency in showcasing and widely disseminating the uniqueness of Johor's culture to the public.

**Yayasan Warisan Johor** ditubuhkan pada tahun 1988 dan merupakan pusat rujukan utama dalam bidang sejarah, warisan, seni dan budaya negeri Johor. Di samping itu, ia turut memainkan peranan dalam mempamerkan dan menyebarkan luas keunikan budaya Johor kepada masyarakat.

# RAJUK RINDU

## (TRADITIONAL DANCE | TARIAN TRADISIONAL)

### PERFORMANCE SYNOPSIS

*Rajuk Rindu* is a zapin performance that contains zapin movements from the various districts from the state of Johor that display the beauty and agility.

### SINOPSIS PERSEMBAHAN

Rajuk Rindu merupakan sebuah persembahan zapin yang menggabungkan gerak tari zapin dari pelbagai daerah di negeri Johor, sekali gus menyerlahkan keindahan dan ketangkasan seni tari tradisional tersebut.

# NARA

## (CONTEMPORARY DANCE | TARIAN KONTEMPORARI)

### PERFORMANCE SYNOPSIS

*Nara* is YWJ's Malay contemporary dance with silat movements, displaying victorious strength in the face of immense struggle.

### SINOPSIS PERSEMBAHAN

Nara merupakan sebuah persembahan tari kontemporari Melayu oleh YWJ yang menggabungkan gerak seni silat, sekali gus menyerlahkan kekuatan dan semangat juang dalam mengharungi cabaran hebat demi mencapai kemenangan.





# KEPAI RUAI

Founded by Muhammad Fahrul, **Kepai Ruai** is a dance group from Pontianak, West Kalimantan, Indonesia. With a Bachelor's Degree in Art Education, Fahrul aspires to master and spread the awareness of all Indonesia's rich dance heritage. Amongst his accolades include being the Choreographer of Choice for the Jambi Cultural Fest 2026.

**Kepai Ruai** merupakan sebuah kumpulan yang telah ditubuhkan oleh Muhammad Fahrul. Kumpulan tari ini berasal dari Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia. Berbekalkan Ijazah Sarjana Muda dalam Pendidikan Seni, Fahrul berhasrat untuk mendalami dan memperkenalkan kekayaan warisan seni tari Indonesia kepada masyarakat luas. Antara pencapaian beliau termasuk Koreografer Terpilih bagi Festival Budaya Jambi 2026.

KEPAI RUAI
Dance Art Movement

# TARI JEPIN LEMBUT

## (CONTEMPORARY DANCE | TARIAN KONTEMPORARI)

## PERFORMANCE SYNOPSIS

The Tari Jepin Lembut is a traditional Malay dance originating from Sambas Regency, West Kalimantan depicting the harmony between spiritual values and natural beauty. Inspired by prayer movements and natural phenomena, this dance features a variety of choreography such as *ngayak* (the swaying palm), *mayang mengurai* (the swaying palm), *nyiur* (the waving palm), and *surung dayung* (the rowing palm). Each movement is performed with gentleness, reflecting the Malay way of life, which upholds religious values, politeness, and harmony between humans, nature, and the Creator.

## SINOPSIS PERSEMBAHAN

Tari Jepin Lembut merupakan tarian tradisional Melayu yang berasal dari kabupaten Sambas Kalimantan Barat. Tarian ini menggambarkan keharmonian di antara nilai-nilai kerohanian dengan alam semula jadi. Diilhamkan daripada gerakan ibadah solat serta unsur-unsur alam, tarian ini menampilkan pelbagai ragam gerak tari seperti ngayak, mayang mengurai, nyiur melambai, dan surung dayung. Setiap gerakan dipersembahkan dengan penuh kelembutan dan kehalusan, mencerminkan kehidupan masyarakat Melayu yang menjunjung tinggi nilai-nilai keagamaan, kesopanan, serta keharmonian hubungan antara manusia, alam, dan Sang Pencipta.



KEPAI RUAI
Dance Art Movement

# MEROHOM ANOM

## (CONTEMPORARY DANCE | TARIAN KONTEMPORARI)

## PERFORMANCE SYNOPSIS

This contemporary item is inspired by the heroic tale of Prince Merohom Anom, also known as Sultan Muhammad Ali Syafiuddin, a formidable figure from the Sambas Sultanate, who mastered naval warfare. His courage and intelligence in strategic warfare made him a trusted figure to guard the northern coast of West Kalimantan from the threat of foreign ships and pirates who sought to seize Sambas's wealth.

## SINOPSIS PERSEMBAHAN

Persembahan kontemporari ini diilhamkan oleh kisah kepahlawanan Pangeran Merohom Anom, atau dikenali sebagai Sultan Muhammad Ali Syafiuddin, seorang tokoh ulung Kesultanan Sambas yang mahir dalam peperangan laut. Keberanian dan kebijaksanaannya dalam mengatur strategi peperangan menjadikan beliau seorang tokoh yang dipercayai untuk mempertahankan pesisir utara Kalimantan Barat daripada ancaman kapal-kapal asing dan lanun yang berhasrat untuk merampas kekayaan Sambas.

